

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 04.09.2018

M/S : 13

Melayu paling ramai daftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

KUALA LUMPUR - Melayu merupakan kaum paling ramai yang berminat dan mendaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk bekerja dalam perkhidmatan awam iaitu sebanyak 79.66 peratus.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mohamed Hanipa Maidin (**gambar kecil**) berkata, jumlah itu berdasarkan statistik SPA bagi tempoh 2015 sehingga Jun 2018.

Menurutnya, kaum bumiputera Sabah pula sebanyak 7.84 peratus, Sarawak (5.59 peratus), India (3.21 peratus), kaum-kaum lain (1.84 peratus), Cina (1.6 peratus) dan Orang Asli (0.25 peratus).

"Buat masa ini, SPA tidak beradang untuk memperkenalkan kuota pelantikan mengikut nishah tertentu.

"SPA berpandangan knehad pengambilan berdasarkan merit yang dilaksanakan bunt masa ini mampu memberi peluang yang adil kepada semua calon di samping memastikan hanya calon berkecayaan



KAUM Melayu dilaporkan lebih berminat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

- Gambar hiasan *Kosmo m/s 13 4/9/18*

kan dilantik dalam perkhidmatan awam," katanya pada sesi soal jawab lisan sidang Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Aknan Ehtook mengenai langkah kerajaan bagi meningkatkan minat kaum lain menyertai perkhidmatan awam.

Ketika ini jumlah penjawat awam

seramai 1.62 juta orang.

Mohamed Hanipa berkata, semua pihak harus menerima hakikat bahawa minat setiap individu dalam bidang pekerjaan adalah berbeza.

"Bagaimanapun, saya telah mengarahkan SPA untuk menjalankan kajian bagi melihat mengapa ketidakseimbangan dalam perkhidmatan awam berlaku," ujarnya.